

12 JUN 1998

PERDANA MENTERI DAN ISTERI SERIKAN "MALAM LAMBAIAN TERATAI"

KUANTAN, 12 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali malam ini menghadiri majlis makan malam "Lambaian Teratai" di Dewan Konvensyen di sini.

Turut hadir ialah Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob dan isteri, Puan Seri Zurina Kassim serta anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri.

Majlis itu diadakan sempena Kejohanan Badminton Piala Perdana 1998 yang berlangsung selama empat hari di Stadium Tertutup SUKPA, Bandar Indera Mahkota di sini.

Esok, Perdana Menteri akan merasmikan Kilang Pahang Cement Sdn Bhd di Bukit Sagu, kira-kira 50km dari sini. Kilang berteknologi tinggi dengan pelaburan berjumlah RM700 juta itu merupakan usahasama antara Kerajaan negeri Pahang dengan YTL Corporation Bhd.

Selepas itu, beliau akan menemui para peneroka Felda di Rancangan Felda Bukit Kuantan sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

ROS RI